NO. SOALAN: 37

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT]

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meminda undang-undang bagi menyelaraskan penggunaan kalimah ALLAH di setiap negeri tanpa mengetepikan kuasa Sultan atau Raja selaku ketua agama Islam negeri.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam negeri-negeri digubal selaras dengan Fasal 4 Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan bagi mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa

doktrin atau kepercayaan agama selain daripada Islam di kalangan orang yang menganut agama Islam.

Dalam isu larangan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasaan-perbahasaan tertentu yang bersumber Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam negeri-negeri, Kerajaan berpendirian bahawa semua pihak wajar untuk menjaga sensitiviti agama. Hal ini bagi menjaga kerukunan dan keharmonian antara penganut agama serta mengekalkan suasana aman dan damai yang dikecapi sejak sekian lama di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang tersebut terletak di bawah bidang kuasa negeri dan telah pun diluluskan di dewan undangan negeri masing-masing. Oleh itu, mana-mana orang yang didapati melakukan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang ini boleh didakwa dan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan tersebut adalah terletak di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Manakala dari segi penguatkuasaan pula, ia boleh dilakukan dengan kerjasama antara Polis di-Raja Malaysia dan agensi penguatkuasaan agama Negeri-Negeri, seperti mana yang diperuntukkan dalam undang-undang tersebut.

Sekian, terima kasih.